UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT

# GARIS PANDUAN KELAYAKAN MINIMUM KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Edisi 2022

**GARIS PANDUAN KELAYAKAN MINIMUM KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK UNIVERSTI MALAYSIA TERENGGANU**

## KANDUNGAN


| | | |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1 :** | **PENGENALAN** | **M/S** |
| 1.1 | Falsafah Kenaikan Pangkat Ahli Akademik | 4 |
| 1.2 | Objektif | 4 |
| **BAHAGIAN 2 :** | **TERMA KENAIKAN PANGKAT** | |
| 2.1 | Terma dan Istilah kenaikan Pangkat | 5 - 7 |
| 2.2 | Peranan dan Tanggungjawab | 8 |
| 2.3 | Urus Setia Kenaikan Pangkat Ahli Akademik (Pejabat Pendaftar) | 9 |
| 2.4 | Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat Peringkat PTj | 9 |
| 2.5 | Jawatankuasa Penapis Kenaikan Pangkat Peringkat Universiti | 9 - 11 |
| 2.6 | Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik | 11 |
| **BAHAGIAN 3 :** | **KRITERIA KENAIKAN PANGKAT** | |
| 3.1 | Pengenalan | 12 |
| 3.2 | Syarat Berdasarkan Skim Perkhidmatan | 12 |
| 3.3 | Kelayakan Minimum Kenaikan Pangkat (Tahap Kecemerlangan Akademik) Mengikut Gred | 13 - 27 |
| 3.4 | Maklumat Tambahan | 28 |
| 3.5 | Kriteria Kecemerlangan Akademik | 29 |
| **BAHAGIAN 4 :** | **HAL EHWAL KENAIKAN PANGKAT** | |
| 4.1 | Proses Kenaikan Pangkat | 30 |
| 4.2 | Prinsip Penetapan Gaji | 31 |
| 4.3 | Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan | 31 |
| 4.4 | Pengecualian Syarat | 31 |
| **BAHAGIAN 5 :** | **JAWATANKUASA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT** | |
| 5.1 | Pengenalan | 32 |
| 5.2 | Prosedur Rayuan | 32 |
| 5.3 | Jawatankuasa Rayuan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik | 32 |
| **SENARAI RUJUKAN** | | 33 |

**LAMPIRAN**

**Lampiran A:**

A1 - Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti (DS) Ke Gred DS52 (UMT/PEND/K22 [PIN.1/2022])

A2 - Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Pensyarah Universiti (DS) Ke Gred DS54 dan Gred Khas C (UMT/PEND/K23 [PIN.1/2022])

**Lampiran B:**

Format *Curriculum Vitae* (CV)

**Lampiran C:**

Laporan Ketua PTJ Mengenai Permohonan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik

**Lampiran D:**

Carta Alir Permohonan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik

**Lampiran E:**

Senarai Negara Mengikut Benua (Region) untuk Pelantikan Penilai Luar Kenaikan Pangkat

**Lampiran F:**

Carta Alir Proses Rayuan Kenaikan Pangkat Ahli Akademik UMT

## BAHAGIAN 1

## PENGENALAN

### 1.1 Falsafah Kenaikan Pangkat Ahli Akademik

Skim Kenaikan Pangkat Ahli Akademik adalah salah satu kaedah dan peluang yang disediakan oleh universiti untuk meningkatkan kerjaya ahli akademik yang kecemerlangannya terbukti dalam bidang berkaitan.

Ianya adalah selari dengan sumbangan besar ahli akademik dalam memacu kecemerlangan sesebuah universiti. Ganjaran melalui kaedah kenaikan pangkat adalah penting supaya pembangunan dan pemerkasaan bakat ahli akademik terus dapat dipertingkatkan dan berterusan dalam usaha mencapai visi dan misi universiti.

Ahli akademik boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat apabila mencapai tahap kecemerlangan, kesarjanaan dan kewibawaan yang sesuai dengan jawatan yang dimohon dan telah memberikan sumbangan berimpak tinggi kepada universiti. Kenaikan pangkat adalah ganjaran yang bersifat dinamik dan boleh dimohon oleh calon yang telah memenuhi syarat minimum kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, Naib Canselor boleh menjemput calon yang layak dinaikkan pangkat untuk membuat permohonan atau menghadiri temu duga.

Garis panduan yang disediakan adalah fleksibel yang mana keputusan/perakuan adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Melantik yang ditubuhkan di universiti dan tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang diguna pakai.

Tujuh (7) kriteria penilaian asas yang akan diukur bagi permohonan kenaikan pangkat meliputi aspek berikut:

1. Pengajaran dan Penyeliaan
2. Penyelidikan
3. Penerbitan
4. Pembangunan Kendiri
5. Pemindahan Ilmu/ Asimilasi Ilmu
6. Sanjungan dan Kepimpinan Akademik
7. Kepimpinan Pengurusan

### 1.2 Objektif

1. Memperuntukkan ganjaran yang bersesuaian kepada kecemerlangan, kesarjanaan dan kewibawaan ahli akademik melalui kenaikan pangkat yang bersesuaian dengan prestasi cemerlang yang dicapai.

2. Mengiktiraf kecemerlangan, kesarjanaan dan kewibawaan ahli akademik melalui pelaksanaan kenaikan pangkat yang memberikan kemajuan kendiri kepada mereka untuk mengembangkan kesarjanaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

3. Menggalakkan ahli akademik yang berpotensi untuk diserap dan dilantik ke UMT selari dengan keperluan bidang dan kesarjanaan ilmu bagi menyumbang kepada kecemerlangan UMT.

4. Mengiktiraf kepakaran ahli akademik UMT sebagai mentor dalam bidang masing-masing.

## BAHAGIAN 2

## TERMA KENAIKAN PANGKAT

### 2.1 Terma dan istilah Kenaikan Pangkat

Istilah-istilah di dalam proses kenaikan pangkat ahli akademik yang diguna pakai seperti mana berikut:

| Terma | Singkatan | Istilah |
|---|---|---|
| **Lembaga Pengarah Universiti** | LPU | Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). |
| **Naib Canselor** | NC | Ketua Eksekutif bagi UMT yang bertanggungjawab memastikan semua peruntukan Perlembagaan UMT, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan dipatuhi, dan menjalankan pengawasan am ke atas segara mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan,pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti serta menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah, dan peraturan-peraturan. |
| **Jawatankuasa Pengurusan Universiti** | MPU | Pihak pengurusan universiti yang disebut dalam Seksyen 23 Perlembagaan UMT dan termasuk mana mana pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh statut. |
| **Timbalan Naib Canselor** | TNC | Staf yang dilantik memegang jawatan tersebut yang bertanggungjawab untuk membantu Naib Canselor dalam melaksanakan mana-mana kewajipan, kuasa atau fungsi jawatannya. |
| **Pendaftar** | PEND | Pendaftar atau Ketua Jabatan dalam UMT yang menguruskan hal sumber manusia, hal akademik atau hal pentadbiran umum dan termasuklah mana-mana orang lain dengan gelaran apa jua disebut, yang dilantik ke jawatan sepenuh masa yang diwujudkan dan dinamakan sedemikian oleh statut atau selainnya. |
| **Dekan/Pengarah** | - | Ketua Jabatan dalam universiti yang mengetuai dan menguruskan entiti akademik yang dinamakan sebagai Fakulti/Institut/Pusat. |
| **Jawatankuasa Penapis Peningkatan Gred** | JKPPG | Jawatankuasa yang bertanggungjawab menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti bagi permohonan kenaikan pangkat secara peningkatan gred Pensyarah Universiti (Profesor) dari gred Khas C (VK7) ke Khas B (VK6), dan Khas B (VK6) ke Khas A (VK5). |
| **Jawatankuasa Penapis Utama Kenaikan Pangkat** | JKPU | Jawatankuasa yang bertanggungjawab menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan dan tahap yang ditetapkan bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti (Profesor) Gred Khas C (VK7). |

| Terma | Singkatan | Istilah |
|---|---|---|
| **Jawatankuasa Penapis Akademik Kenaikan Pangkat** | JKPA | Jawatankuasa yang bertanggungjawab menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan dan tahap yang ditetapkan bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan:<br>i) Pensyarah Universiti Gred DS54 (Profesor Madya) dan ke bawah.<br>ii) Guru Bahasa Gred DG54 dan ke bawah |
| **Jawatankuasa Pemilih Jawatan Akademik** | JKPJA | Jawatankuasa yang bertanggungjawab mempertimbangkan pelantikan dan kenaikan pangkat ahli akademik ke jawatan:<br>i) Pensyarah Universiti DS45-53/54<br>ii) Felo Akademik (SLAM)<br>iii) Pengajar Khas (Setara 51/53)<br>iv) Felo Penyelidik Kanan (Gred 51/53)<br>v) Karyawan Tamu (Gred 51/53)<br>vi) Pelantikan ahli akademik setara dengan Gred DS53 dan ke bawah<br>vii) Guru Bahasa Gred DG41-54 |
| **Jawatankuasa Pemilih Jawatan Utama** | JKPJU | Jawatankuasa yang bertanggungjawab mempertimbangkan pelantikan dan kenaikan pangkat ahli akademik ke jawatan:<br>i) Kursi Profesor Sultan Mizan<br>ii) Pensyarah Universiti (Profesor) Gred Khas C/B/A (VK 7/6/5)<br>iii) Pendaftar<br>iv) Bendahari<br>v) Ketua Pustakawan<br>vi) Felo Penyelidik Utama (Gred Khas C)<br>vii) Karyawan Tamu Utama (Gred Khas C)<br>viii) Pengajar Khas (Setara VK7) dan<br>ix) pelantikan ahli akademik setara dengan Gred lantikan Khas A/B/C (Jusa C dan ke atas). |
| **Jawatankuasa Sumber Manusia** | JKSM | Jawatankuasa yang bertanggungjawab mempertimbangkan agenda berkaitan pembangunan dan pemerkasaan bakat akademik UMT. |
| **Pejabat Pendaftar** | - | Pusat yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal sumber manusia bagi ahli akademik. |
| **Pusat Tanggungjawab** | PTJ | Entiti akademik yang dinamakan sebagai Fakulti/Institut/Pusat. |
| **Ahli Akademik** | - | Pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (tidak termasuk Guru Bahasa). |
| **Kenaikan Pangkat** | - | Peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama melalui kelulusan Pihak Berkuasa Melantik. |
| **Artikel Jurnal** | - | Salah satu bentuk dari karya atau karangan ilmiah oleh staf UMT dan diiktiraf apabila berwasit. |

| Terma | Singkatan | Istilah |
|---|---|---|
| **H-indeks** | - | Jumlah sitasi yang diambil kira adalah yang disediakan oleh WoS/SCOPUS sahaja. |
| **Jurnal berindeks** | - | Jurnal yang diindeks oleh WoS/SCOPUS sahaja. |
| **Jurnal tidak berindeks** | - | Ditakrifkan sebagai jurnal yang tidak diindeks oleh WoS/SCOPUS sahaja. |
| **Penulis Utama/*First author*** | - | Ditakrifkan sebagai penyelidik yang menjalankan kerja penyelidikan dan bertanggungjawab untuk menyediakan manuskrip, menganalisis dan interpretasi data kajian.<br><br>*First author* ialah nama pertama dalam barisan pengarang. |
| ***Corresponding author*** | - | Ditakrifkan sebagai penyelidik atau penulis senior yang bertanggungjawab dalam penulisan, pembetulan manuskrip, pembacaan bukti (proofread), koresponden keseluruhan semasa penyerahan kertas, mengendalikan semakan dan penyerahan semula manuskrip yang disemak sehingga penerimaan manuskrip. Ketua Projek geran boleh diterima sebagai *corresponding author*. |
| ***Co-author*** | - | Ditakrifkan sebagai penyelidik bersama yang menjalankan kerja penyelidikan dan bertanggungjawab untuk menyediakan manuskrip, menganalisis dan interpretasi data kajian.<br><br>*unique author tidak diambil kira sebagai *corresponding author* |
| **Bab dalam buku** | - | Bab dalam buku ilmiah yang tersunting (edited book) yang dinilai oleh penilai luar. Buku yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf. (Maksud penerbit yang diiktiraf ialah yang diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) atau mengikut glosari terkini MyRA). |
| **Buku Penyelidikan** | - | Ditakrif sebagai buku ilmiah yang ditulis secara sistematik berasaskan fakta & hasil penyelidikan yang dianalisis secara kritis melalui penghujahan yang rasional.<br><br>Buku yang diterbit mestilah mematuhi piawaian buku penyelidikan seperti diwasit dan disunting.<br><br>Maksud penerbit yang diiktiraf ialah yang diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) atau mengikut glosari terkini MyRA. |
| **Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu** | P.U(A) UMT | Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Pegawai) 2015. |

## 2.2 Peranan Dan Tanggungjawab

a) Ketua Pusat Tanggungjawab

i) Ketua PTJ bertanggungjawab untuk membuat perakuan serta penilaian yang adil kepada setiap pemohon dalam membuat laporan penilaian kenaikan pangkat setiap ahli di bawah seliaan;

ii) Setelah ahli akademik daripada pusat tanggungjawabnya dinaikkan pangkat, Ketua PTJ hendaklah mengatur semula tugas dan tanggungjawab ahli akademik tersebut supaya sesuai dengan gred hakiki yang disandang.

b) Penilai Luar (kelulusan penilai luar oleh Jawatankuasa Penapis Utama)

i) Penilai luar hendaklah mempunyai kepakaran dan masih aktif dalam bidang dan sub bidang yang sama atau berkaitan dengan bidang kepakaran pemohon dan berkhidmat dengan organisasi selain UMT sama ada dalam atau luar negara;

ii) Penilai luar mestilah berjawatan profesor atau setara dan mempunyai pengalaman yang luas;

iii) Syarat penetapan H-indeks (WoS/Scopus) bagi penilai luar kenaikan pangkat akademik dalam dan luar negara mengikut bidang adalah sepertimana maklumat di bawah:

Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor
Bidang Sains & Teknologi : minimum 15
Bidang Sains Sosial : minimum 10

Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor Madya
Bidang Sains & Teknologi : minimum 10
Bidang Sains Sosial : minimum 6

iv) Dekan/Pengarah boleh membuat permohonan kepada pihak Jawatankuasa bagi mempertimbangkan pelantikan penilai luar kenaikan pangkat akademik yang tidak memenuhi syarat penetapan H-indeks (WoS/Scopus) yang ditetapkan berdasarkan kepada justifikasi seperti bidang kepakaran yang mempunyai purata H-Indeks yang rendah daripada syarat tetapi calon penilai luar adalah seorang penyelidik atau ahli akademik yang terkenal dan diiktiraf di dalam bidang tersebut.

v) Ciri-ciri pelantikan penilai luar kepada pemohon kenaikan pangkat yang tidak dibenarkan adalah:
- Penyelia utama/bersama pengajian Ph.D;
- Pengadil (referee);
- Mempunyai penerbitan/penyelidikan bersama;
- Mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat.

c) Pemohon

Pemohon bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan melalui ketua PTJ dengan cara:
i) Mencetak, menandatangani dan menghantar surat permohonan kenaikan pangkat kepada urus setia PTJ;

ii) Melengkapkan Borang Permohonan Kenaikan Pangkat mengikut yang dimohon seperti mana di **Lampiran A**;

iii) Menghantar *Curriculum vitae* (CV) yang lengkap dan terkini mengikut format seperti di **Lampiran B.**

## 2.3 Urus Setia Kenaikan Pangkat Ahli Akademik (Pejabat Pendaftar)

a) Urus setia kenaikan pangkat ahli akademik UMT adalah bertanggungjawab untuk:

i) Menghantar CV lengkap dan hasil penerbitan calon kepada Penilai Luar mengikut jawatan dan memastikan laporan diterima mengikut masa yang telah ditetapkan;

ii) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penapis bagi memperakukan nama pemohon yang layak dan sesuai untuk ditemu duga bagi tujuan kenaikan pangkat;

iii) Menyediakan kertas pertimbangan kenaikan pangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih/ Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MPU)/ Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang berkaitan.

## 2.4 Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat Peringkat PTj

a) Peranan Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat di peringkat PTJ adalah seperti berikut:

i) Menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

ii) Menilai CV dan mencadangkan penambahbaikan kepada CV pemohon dan dokumen lain yang berkaitan;

iii) Mencadangkan nama Penilai Luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik pemohon;

iv) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Saringan Peringkat PTJ untuk urusan (i) hingga (iii);

v) Memastikan semua dokumen bagi urusan kenaikan pangkat calon adalah lengkap termasuk minit Mesyuarat Jawatankuasa Saringan PTJ dan dihantar kepada urus setia induk UMT.

b) Keanggotaan Jawatankuasa Saringan Kenaikan Pangkat di peringkat PTJ terdiri daripada:

i) Dekan/Pengarah PTJ sebagai pengerusi;

ii) Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah PTJ;

iii) Sekurang-kurangnya dua (2) orang Profesor atau Profesor Madya senior (berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang) dari dalam atau luar UMT yang dilantik berdasarkan kepada kepakaran dan sub kepakaran dalam bidang calon;

iv) Penolong Pendaftar sebagai Setiausaha.

v) Sekiranya Dekan/Pengarah yang memohon jawatan kenaikan pangkat, seorang Profesor hendaklah dilantik menjadi Pengerusi Ganti.

## 2.5 Jawatankuasa Penapis Kenaikan Pangkat Peringkat Universiti

a) Peranan Jawatankuasa Penapis Utama (JKPU) Kenaikan Pangkat adalah seperti berikut:

i) Menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti (Profesor) Gred Khas C (VK7);

ii) Memperakukan nama pemohon yang layak dan sesuai untuk tujuan kenaikan pangkat.

iii) Menentukan senarai nama penilai luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik pemohon;

iv) Melantik penilai luar untuk tujuan kenaikan pangkat.

b) Peranan Jawatankuasa Penapis Akademik (JKPA) Kenaikan Pangkat adalah seperti berikut:

i) Menyemak dan menapis kelayakan, kesarjanaan, kepimpinan dan tahap kecemerlangan akademik mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti bagi permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54 (Profesor Madya) dan ke bawah dan Guru Bahasa Gred DG54 dan ke bawah.

ii) Memperakukan nama pemohon yang layak dan sesuai untuk tujuan kenaikan pangkat.

iii) Menentukan senarai nama penilai luar bagi proses penilaian tahap kecemerlangan akademik pemohon;

iv) Melantik penilai luar untuk tujuan kenaikan pangkat.

c) Keanggotaan Jawatankuasa Penapis Utama (JKPU) Kenaikan Pangkat UMT terdiri daripada:

i) Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebagai Pengerusi;

ii) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

iii) Dekan/Pengarah bagi pemohon berkaitan sahaja;

iv) Pendaftar;

v) Dua (2) orang ahli Senat bertaraf Profesor;

vi) Penolong Pendaftar sebagai Setiausaha.

d) Keanggotaan Jawatankuasa Penapis Akademik (JKPA) Kenaikan Pangkat UMT terdiri daripada:

i) Ahli Senat bertaraf **Profesor** sebagai Pengerusi;

ii) Dekan Fakulti;

iii) Pengarah Institut Penyelidikan/Pusat;

iv) Pendaftar;

v) Dua (2) orang ahli Senat bertaraf Profesor;

vi) Penolong Pendaftar sebagai Setiausaha.

e) Ahli jawatankuasa kenaikan pangkat (Dekan/Pengarah/Profesor) dilantik berdasarkan kepada pusat tanggungjawab dan bidang kepakaran pemohon.

f) Korum mesyuarat Jawatankuasa Penapis Utama (JKPU) dan Penapis Akademik (JKPA) Kenaikan Pangkat UMT terdiri daripada Pengerusi, dan sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli lain.

g) Dekan yang berjawatan lebih rendah daripada jawatan yang dimohon oleh pemohon dijemput turut serta untuk memberi input berkaitan pencapaian pemohon di PTJ semasa keputusan penapis dibuat.

h) Sekiranya jawatan yang hendak dimohon mengatasi kelayakan Pengerusi Jawatankuasa Penapis, maka Jawatankuasa Penapis (Khas) hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Naib Canselor.

i) Dekan/Pengarah/Wakil yang hadir ke mesyuarat jawatankuasa penapis perlu membuat sesi *engagement* dengan pemohon untuk menambahbaik semula CV.

## 2.6 Jawatankuasa Pemilih Dan Pihak Berkuasa Melantik

a) Jawatankuasa Pemilih dan Pihak Berkuasa Melantik bagi setiap jawatan kenaikan pangkat ahli akademik adalah seperti mana berikut:

| Gred Kenaikan Pangkat | Jawatankuasa Pemilih | Pihak Berkuasa Melantik |
|---|---|---|
| DG44/48/52/54 | Jawatankuasa Pemilih Jawatan Akademik | MPU |
| DS52/54 | | |
| Khas C | Jawatankuasa Pemilih Jawatan Utama (Akademik) | LPU |
| Khas B/A | | LPU |

b) Pihak Berkuasa Melantik (PBM) berhak memperakukan kenaikan pangkat ahli akademik berdasarkan kepada pencapaian dan kecemerlangan khusus calon.

## BAHAGIAN 3

## KRITERIA KENAIKAN PANGKAT

### 3.1 Pengenalan

a) Urusan kenaikan pangkat ahli akademik di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) meliputi kenaikan pangkat atau peningkatan gred dalam kategori berikut:

| Dari Gred Jawatan | Ke Gred Jawatan | Kategori |
|---|---|---|
| Gred DS45 | Gred DS52 | Kenaikan Pangkat dalam Keadaan Biasa |
| Gred 51/52 | Gred DS54 (Profesor Madya) | |
| Gred 53/54 | Gred Khas C (Profesor) | |
| Gred DS45 | Gred DS54 (Profesor Madya) | Kenaikan Pangkat dalam Keadaan Istimewa |
| Gred DS45 | Gred Khas C (Profesor) | |
| Gred 51/52 | Gred Khas C (Profesor) | |
| Gred Khas C (Profesor) | Gred Khas B dan A (Profesor) | Peningkatan Gred |

b) Mana-mana calon yang mengemukakan permohonan kenaikan pangkat secara melangkau gred, dikehendaki memenuhi kriteria gred yang dilangkau dan gred yang dipohon.

### 3.2 Syarat Berdasarkan Skim Perkhidmatan

a) Kriteria kenaikan pangkat dalam garis panduan ini adalah berdasarkan Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti di bawah Sistem Saraan Malaysia (kuat kuasa mulai 1 Julai 2016), Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Pegawai) 2015, Perlembagaan UMT dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti UMT yang perlu dipenuhi bagi lantikan kenaikan pangkat setiap ahli akademik di UMT seperti mana berikut:

i) Disahkan dalam perkhidmatan;

ii) Mencapai wajaran prestasi sekurang-kurangnya 80% bagi 3 tahun penilaian terakhir;

iii) Diperakukan/sokongan PTJ;

iv) Pencapaian tahap kecemerlangan akademik
- Istimewa mutunya (DS45 ke DS52)
- Sangat istimewa mutunya (DS51/DS52 ke DS54)
- Terkemuka mutunya (DS53/DS54 ke VK7)
- Sangat Terkemuka Mutunya (DS45 ke DS54)
- Sangat Luar Biasa Mutunya (DS45 ke VK7)
- Luar Biasa Mutunya (DS51/52 ke VK7)
- Terkemuka mutunya dan sumbangan berimpak tinggi kepada universiti (VK7 ke VK6/VK5);

v) Bebas dari tindakan tatatertib;

vi) Telah mengisytiharkan harta (dalam tempoh lima (5) tahun terakhir);

vii) Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);

viii) Bebas daripada disenaraikan Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan.

## 3.3 Kelayakan Minimum Kenaikan Pangkat (Tahap Kecemerlangan Akademik) Mengikut Gred

**JADUAL 1**

| **3.3.1 Kenaikan Pangkat dari Gred DS45 ke DS52** | | |
|---|---|---|
| | **Kelayakan Akademik** | |
| | **Doktor Falsafah (Ph.D)** | **Ijazah Sarjana (Master)** |
| **Tempoh Perkhidmatan** | Tiada tempoh minimum. | Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **enam (6) tahun dalam lantikan tetap** di IPT (dalam gred semasa) dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan layak dipertimbangkan (tempoh cuti belajar diambilkira). |
| **Sokongan Ketua PTJ** | Sokong | Sokong |
| **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) / Laporan Kemajuan Pengajian** | Sekurang-kurangnya mendapat wajaran markah prestasi 80% dan ke atas bagi 3 tahun terakhir; atau mendapat sekurang-kurangnya laporan kemajuan pengajian yang 'Baik'.<br>Wajaran:<br>45% - Tahun Ketiga (Terkini)<br>35% - Tahun Kedua<br>20% - Tahun Pertama<br><br>*Penetapan wajaran penilaian prestasi adalah merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 3 Julai 2009. | Sekurang-kurangnya mendapat wajaran markah prestasi 80% dan ke atas bagi 3 tahun terakhir.<br>Wajaran:<br>45% - Tahun Ketiga (Terkini)<br>35% - Tahun Kedua<br>20% - Tahun Pertama<br><br>*Penetapan wajaran penilaian prestasi adalah merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 3 Julai 2009. |
| **Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat** | Tarikh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bersidang | |
| **Gaji permulaan** | Mengikut P.U (A) 1/2015 perkara 44 dan Surat Edaran Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat (5 September 2017) | |
| **Pengajaran** | Tiada (selepas balik dari Ph.D) | Mendapat markah sekurang-kurangnya **90%** dan ke atas dalam penilaian pengajaran. |
| **Penyeliaan** | Tiada | Mempunyai pengalaman menyelia pelajar bagi **Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA)**; **atau**<br><br>Minimum **satu (1) pingat Emas** dalam **pertandingan inovasi** yang diiktiraf peringkat universiti bagi ahli akademik di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) dan Pusat Asasi STEM (PASTEM) |
| **Penyelidikan** | Tiada | (i) Terlibat sebagai ahli dalam sekurang-kurangnya **satu (1)** projek penyelidikan yang |

<table>
<tr><th colspan="3">3.3.1 Kenaikan Pangkat dari Gred DS45 ke DS52</th></tr>
<tr><th></th><th colspan="2">Kelayakan Akademik</th></tr>
<tr><th></th><th>Doktor Falsafah<br>(Ph.D)</th><th>Ijazah Sarjana<br>(Master)</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>berdaftar di Pusat Pengurusan Penyelidikan universiti.<br>(ii) Geran dalaman UMT juga diambilkira.<br><br>*Pengesahan status penyelidik utama di IPT sebelum UMT perlu mendapat pengesahan daripada Universiti asal (Pusat Pengurusan Penyelidikan) atau pengesahan Ketua Projek/Penyelidik Utama yang baharu di universiti asal.</td></tr>
<tr><td>Penerbitan</td><td>Menerbitkan sekurang-kurangnya:-<br>(i) 2 (dua) artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS); Atau<br>(ii) 1 (satu) artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) dalam tempoh setahun apabila mendapat Ph.D.; Atau<br>(iii) 1 (satu) artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) dengan berimpak faktor Q1.</td><td>(1) Menerbitkan minimum tiga (3) artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) selepas dilantik ke gred DS45, seperti berikut:–<br>(i) Minimum satu (1) artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS); dan<br>(ii) Maksimum dua (2) penerbitan kesetaraan selain artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS).<br><br>*Kesetaraan yang dikira adalah :-<br>(a) Satu (1) buku = Tiga (3) artikel jurnal terindeks (buku hendaklah hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf);<br>(b) Satu (1) bab dalam buku = Satu (1) artikel jurnal terindeks (buku hendaklah hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf);<br>(c) Tiga (3) prosiding (Scopus/WoS) = Satu (1) artikel jurnal terindeks;<br>(d) Satu (1) monograf = Satu (1) artikel jurnal terindeks (hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf);<br>(e) Satu (1) kertas polisi dalam bidang kepakaran yang digunapakai di peringkat kebangsaan / antarabangsa = Tiga (3) artikel jurnal terindeks;<br>(f) Satu (1) buku penyelidikan terbitan penerbit antarabangsa terindeks di Scopus/WoS = lima (5) artikel jurnal terindeks;</td></tr>
</table>

| 3.3.1 Kenaikan Pangkat dari Gred DS45 ke DS52 | | |
|---|---|---|
| | **Kelayakan Akademik** | |
| | **Doktor Falsafah (Ph.D)** | **Ijazah Sarjana (Master)** |
| | | (g) **Satu (1) bab dalam buku** (hasil penyelidikan) terbitan **penerbit antarabangsa terindeks** di Scopus/WoS = **Tiga (3) artikel jurnal terindeks**;<br>(h) **Dua (2)** artikel **MyCite** = **Satu (1) artikel jurnal terindeks**.<br><br>(2) Maksud penerbit yang diiktiraf ialah yang diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) atau mengikut glosari terkini MyRA. |
| **Pembangunan Kendiri** | Membentang minimum **satu (1)** pembentangan lisan dalam bidang kepakaran.<br>**Glosari sepertimana para 3.4(b)* | Membentang minimum **dua (2)** pembentangan lisan dalam bidang kepakaran<br>**Glosari sepertimana para 3.4(b)* |
| **Pemindahan Ilmu/ Asimilasi Ilmu** | Tiada | Memberi sumbangan dalam bentuk pemindahan ilmu/asimilasi ilmu yang berdaftar dengan PIJI/UMT Jaya Holding seperti perundingan, pembangunan projek/ proses/ perkhidmatan dalam bidang kepakaran kepada masyarakat (kerajaan, industri dan komuniti). |
| **Sanjungan dan Kepimpinan Akademik** | Tiada | Tiada |
| **Kepimpinan Pengurusan** | Tiada | Mendapat pengiktirafan dan pelantikan kepimpinan pengurusan secara rasmi di Universiti atau Fakulti/Pusat/Institut atau mana-mana agensi/institusi. |

**JADUAL 2**

<table>
<tr><th colspan="4">3.3.2 Kenaikan Pangkat dari Gred DS51/DS52 ke DS54</th></tr>
<tr><th colspan="4">KRITERIA</th></tr>
<tr><td rowspan="4">Kelayakan Tempoh Perkhidmatan Pemohon (Dalam Gred Semasa)</td><td rowspan="2">Gred DS51 ke DS54</td><td>Ph.D</td><td>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di IPT (dalam gred semasa) dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td>Sarjana</td><td>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) tahun di IPT (dalam gred semasa) dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Gred DS52 ke DS54</td><td>Ph.D</td><td>Tiada tempoh minimum.</td></tr>
<tr><td>Sarjana</td><td>Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di IPT (dalam gred semasa) dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Sokongan Ketua PTJ</td><td rowspan="2">Gred DS51/52 ke DS54</td><td>Ph.D</td><td rowspan="2">Sokong</td></tr>
<tr><td>Sarjana</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)/ Laporan Kemajuan Pengajian</td><td rowspan="2">Gred DS51/52 ke DS54</td><td>Ph.D</td><td rowspan="2">Sekurang-kurangnya mendapat wajaran markah prestasi 80% dan ke atas bagi 3 tahun terakhir; atau mendapat sekurang-kurangnya laporan kemajuan pengajian yang 'Sangat Baik'.<br><u>Wajaran:</u><br>45% - Tahun Ketiga (Terkini)<br>35% - Tahun Kedua<br>20% - Tahun Pertama<br><br>*Penetapan wajaran penilaian prestasi adalah merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 3 Julai 2009.</td></tr>
<tr><td>Sarjana</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat</td><td rowspan="2">Gred DS51/52 ke DS54</td><td>Ph.D</td><td rowspan="2">Tarikh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bersidang</td></tr>
<tr><td>Sarjana</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Gaji permulaan</td><td rowspan="2">Gred DS51/52 ke DS54</td><td>Ph.D</td><td rowspan="2">Mengikut P.U (A) 1/2015 perkara 44 dan Surat Edaran Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat (5 September 2017)</td></tr>
<tr><td>Sarjana</td></tr>
<tr><td colspan="3">Pengajaran</td><td>(i) Minimum kumulatif 18 jam kredit dalam gred semasa bagi ahli akademik di Fakulti/Pusat; atau<br><br>(ii) Minimum kumulatif 9 jam kredit dalam gred semasa bagi ahli akademik di Institut.<br><br>*Bagi ahli akademik yang memegang jawatan pentadbiran bilangan jam kredit pengajaran adalah tertakluk kepada persetujuan dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT).</td></tr>
<tr><td colspan="3">Penyeliaan</td><td>(i) Menyelia sekurang-kurangnya;<br>(a) Dua (2) pelajar Sarjana Penyelidikan bergraduat (Satu (1) sebagai Penyelia Utama dan satu (1) sebagai Penyelia Bersama; atau<br>(b) Dua (2) pelajar Ph.D/Sarjana Penyelidikan bergraduat (Satu</td></tr>
</table>

| 3.3.2 Kenaikan Pangkat dari Gred DS51/DS52 ke DS54 | |
|---|---|
| **KRITERIA** | |
| | **(1)** sebagai Penyelia Utama dan **satu (1)** sebagai Penyelia Bersama; **atau**<br>(c) **Satu (1)** pelajar Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama<br><br>*Pengesahan status penyelia utama di IPT sebelum UMT perlu dapat pengesahan daripada Universiti asal (Dekan) atau pengesahan Penyelia yang baharu di universiti asal. |
| **Penyelidikan** | (i) Mengetuai minimum **dua (2)** projek penyelidikan dan **salah satu** projek penyelidikan telah tamat dan *on going* di gred semasa.<br><br>(ii) **Nilai geran** penyelidikan ;<br>(a) Sains & Teknologi (S&T) – RM100,000.00<br>(b) Sains Sosial (SS) – RM50,000.00<br><br>(iii) **Geran penyelidikan yang berdaftar** dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan universiti sahaja.<br><br>***Satu (1)** geran dalaman UMT sahaja diambilkira.<br><br>*Pengesahan status penyelidik utama di IPT sebelum UMT perlu mendapat pengesahan daripada Universiti asal (Pusat Pengurusan Penyelidikan) atau pengesahan Ketua Projek/Penyelidik Utama yang baharu di universiti asal.<br><br>***Peratus (%)** penglibatan Ketua Projek dan Penyelidik Bersama dalam Projek Penyelidikan sebagaimana berikut:<br>(i) Bagi projek penyelidikan yang **dinyatakan dengan jelas peratus penglibatan** Penyelidik Bersama di dalam proposal yang diluluskan, peratus tersebut akan diambil kira untuk menentukan jumlah peruntukan geran penyelidikan bagi ahli akademik yang memohon kenaikan pangkat;<br>(ii) Bagi *proposal* yang **tidak dinyatakan peratus penglibatan** Penyelidikan Bersama (projek penyelidikan sebelum tahun 2021), cadangan bagi penetapan peratus penglibatan Penyelidik Bersama dalam projek penyelidikan adalah sepertimana berikut:<br>(a) **Maksimum peratus (%)** penglibatan bagi Penyelidik Bersama (kumulatif) adalah **30%**, bagi Projek Penyelidikan yang mempunyai **satu (1) atau dua (2) orang Penyelidik Bersama**;<br>(b) **Maksimum peratus (%)** penglibatan bagi Penyelidik Bersama (kumulatif) adalah **50%**, bagi Projek Penyelidikan yang mempunyai **tiga (3) orang atau melebihi tiga (3) orang (≥ 3) Penyelidik Bersama.** |
| **Penerbitan** | (1) Bagi ahli akademik di **fakulti**, menerbitkan minimum **sepuluh (10)** artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) selepas dilantik ke gred DS51/DS52, seperti berikut:<br><br>(i) Minimum **lima (5)** artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) dengan sekurang-kurangnya **tiga (3)** sebagai *first author/corresponding author*;<br>(ii) Maksimum **lima (5)** penerbitan kesetaraan selain artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) |

| **3.3.2 Kenaikan Pangkat dari Gred DS51/DS52 ke DS54** | |
| --- | --- |
| **KRITERIA** | |
| | (2) Bagi ahli akademik di **institut**, menerbitkan minimum **lima belas (15)** artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS) selepas dilantik ke gred DS51/DS52, seperti berikut:<br><br>(i) Minimum **sembilan (9)** sebagai *first author/corresponding author*;<br>(ii) Maksimum **enam (6)** penerbitan kesetaraan selain artikel jurnal terindeks (Scopus/WoS)<br><br>*Kesetaraan yang dikira adalah :-<br>(a) **Satu (1) buku = Tiga (3) artikel jurnal terindeks** (buku hendaklah hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf);<br>(b) **Satu (1) bab dalam buku = Satu (1) artikel jurnal terindeks** (buku hendaklah hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf);<br>(c) **Tiga (3) prosiding** (Scopus/WoS) **= Satu (1) artikel jurnal terindeks;**<br>(d) **Satu (1) monograf** = **Satu (1) artikel jurnal terindeks** (buku hendaklah hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf);<br>(e) **Satu (1) kertas polisi** dalam bidang kepakaran yang digunapakai di peringkat kebangsaan/antarabangsa = **Tiga (3) artikel jurnal terindeks**;<br>(f) **Satu (1) buku** penyelidikan terbitan **penerbit antarabangsa terindeks** di Scopus/WoS = **Lima (5) artikel jurnal terindeks**;<br>(g) **Satu (1) bab dalam buku** (hasil penyelidikan) terbitan **penerbit antarabangsa terindeks** di Scopus/WoS = **Tiga (3) artikel jurnal terindeks**.<br>**Kesetaraan c & d tidak terpakai untuk ahli akademik di institut.*<br><br>(3) Minimum **70%** daripada keseluruhan penerbitan adalah berasaskan sumbangan dalam bidang kepakaran yang disemak oleh fakulti/institut/pusat.<br><br>*Maksud penerbit yang diiktiraf ialah yang diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) atau mengikut glosari terkini MyRA. |
| **Pembangunan Kendiri** | Membentang minimum **enam (6)** pembentangan lisan dalam bidang kepakaran dan termasuk minimum **satu (1)** pembentangan adalah di peringkat antarabangsa.<br>**Glosari sepertimana para 3.4(b)* |
| **Pemindahan Ilmu/ Asimilasi Ilmu** | Memberi sumbangan dalam bentuk pemindahan ilmu/asimilasi ilmu yang berdaftar dengan PIJI/UMT Jaya Holding seperti perundingan, pembangunan projek/ proses/ perkhidmatan dalam bidang kepakaran kepada masyarakat (kerajaan, industri dan komuniti). |
| **Sanjungan dan Kepimpinan Akademik** | Mendapat pengiktirafan dan pelantikan sanjungan dan kepimpinan akademik secara rasmi dalam bidang kepakaran daripada rakan kesepakaran atau mana-mana agensi/institusi. |

| 3.3.2 Kenaikan Pangkat dari Gred DS51/DS52 ke DS54 | |
|---|---|
| **KRITERIA** | |
| **Kepimpinan Pengurusan** | (i) Mendapat pengiktirafan dan pelantikan kepimpinan pengurusan secara rasmi di Universiti atau mana-mana agensi/institusi.<br><br>(ii) Calon yang telah memegang jawatan pentadbiran di peringkat universiti sekurang-kurangnya dalam tempoh lapan (8) tahun semasa di gred DS51/52, boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat jika telah memenuhi sekurang-kurangnya 80% kriteria penyelidikan dan penerbitan. |

**Jadual 3**

| 3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway) | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **KRITERIA** | **SoTL** (Scholarship of Teaching and Learning) | **SoDI** (Scholarship of Discovery and Innovation) | **SoPP** (Scholarship of Professional Practitioners) | **SoIL** (Scholarship of Institutional Leader) |
| **Kelayakan Tempoh Perkhidmatan Pemohon (Dalam Gred Semasa)** | Telah berkhidmat sekurang kurangnya **lima (5) tahun** di IPT (dalam gred semasa) dan memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.<br>**Mana-mana ahli akademik yang tidak memenuhi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sekiranya telah mencapai syarat minimum dan menunjukkan pencapaian yang cemerlang.*<br>**Kriteria ini adalah dikecualikan untuk calon daripada Gred DS45 atau DS51/52 yang memohon Kenaikan Pangkat terus ke Gred Khas C (VK7) dan perlu memenuhi syarat gred yang dilangkau.* | | | |
| **Sokongan Ketua PTJ** | Sokong | | | |
| **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)/Laporan Kemajuan Pengajian** | Sekurang-kurangnya mendapat wajaran markah prestasi **80% dan ke atas** bagi 3 tahun terakhir; **atau** mendapat sekurang-kurangnya **laporan kemajuan pengajian** yang **'Baik'**.<br>Wajaran:<br>45% - Tahun Ketiga (Terkini)<br>35% - Tahun Kedua<br>20% - Tahun Pertama<br><br>*Penetapan wajaran penilaian prestasi adalah merujuk kepada Surat Edaran JPA bertarikh 3 Julai 2009. | | | |
| **Tarikh Kuat kuasa kenaikan pangkat** | Tarikh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bersidang | | | |
| **Gaji permulaan** | Mengikut P.U (A) 1/2015 perkara 44 dan Surat Edaran Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat (5 September 2017) | | | |
| **Pengajaran** | | | | |
| Minimum jumlah jam kredit pengajaran (Kumulatif sepanjang tempoh lantikan sebagai Pensyarah Universiti) | 80 jam kredit | Fakulti/Institut = 60 jam kredit | 30 jam kredit | 30 jam kredit |

<table>
<tr><th colspan="5">3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway)</th></tr>
<tr><th>KRITERIA</th><th>SoTL<br>(Scholarship of Teaching and Learning)</th><th>SoDI<br>(Scholarship of Discovery and Innovation)</th><th>SoPP<br>(Scholarship of Professional Practitioners)</th><th>SoIL<br>(Scholarship of Institutional Leader)</th></tr>
<tr><td>Status Penilaian Pengajaran (Purata dan kumulatif sepanjang tempoh lantikan sebagai Pensyarah Universiti)<br>▪ Markah Penilaian Pengajaran<br>- Cemerlang = 90% - 100%<br>- Baik = 75% - 89%</td><td>Cemerlang</td><td>Baik</td><td>Baik</td><td>Baik</td></tr>
<tr><td colspan="5">Penyeliaan</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Menyelia pelajar peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) bergraduat sebagai penyelia utama.</td><td rowspan="2">2 orang</td><td>Fakulti = 2 orang</td><td rowspan="2">1 orang</td><td rowspan="2">1 orang</td></tr>
<tr><td>Institut = 3 orang</td></tr>
<tr><td>Menyelia pelajar peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) bergraduat sebagai penyelia bersama</td><td>0</td><td>0</td><td>1 orang</td><td>1 orang</td></tr>
<tr><td>Menyelia pelajar peringkat Sarjana bergraduat sebagai penyelia utama</td><td>0</td><td>Fakulti/Institut = 2 orang</td><td>1 orang</td><td>0</td></tr>
<tr><td colspan="5"><u>Glosari Penyeliaan</u><br>▪ Sekurang-kurangnya satu (1) pelajar PhD bergraduat sebagai Penyelia Utama.<br>▪ Kesetaraan yang diambil kira adalah :-<br>(i) Satu (1) Penyelia Utama = Dua (2) Penyelia Bersama.<br>(ii) Penyelia Bersama lantikan dari Universiti luar jika bidang berbeza adalah setara dengan Penyelia Utama.<br>(iii) Penyelia Bersama di UMT jika bidang berbeza adalah setara dengan Penyelia Utama. Pengesahan status penyelia bersama tetapi penyeliaan dilakukan di dalam bidang yang berbeza daripada penyelia utama adalah dari Dekan/Pengarah PTJ akademik dan juga Penyelia Utama.<br>▪ Pengesahan status penyelia utama di IPT sebelum UMT perlu mendapat pengesahan daripada Universiti asal (Dekan) dan pengesahan Penyelia yang baharu di universiti asal.</td></tr>
</table>

| **3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway)** | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **KRITERIA** | | **SoTL** (Scholarship of Teaching and Learning) | **SoDI** (Scholarship of Discovery and Innovation) | **SoPP** (Scholarship of Professional Practitioners) | **SoIL** (Scholarship of Institutional Leader) |
| **Penyelidikan** | | | | | |
| Minimum geran penyelidikan yang telah tamat (50% sebagai Penyelidik Utama) | | 2 geran | Fakulti = 3 geran | 2 geran | 2 geran |
| | | | Institut = 4 geran | | |
| Minimum geran penyelidikan sebagai penyelidik utama (Tamat dan *on-going*) | | 2 geran | Fakulti = 3 geran | 2 geran | 1 geran |
| | | | Institut = 4 geran | | |
| Minimum nilai geran penyelidikan (RM) (Tamat & *on-going*) | Sains Teknologi (ST) | 250,000 | Fakulti = 300,000 | 250,000 | 250,000 |
| | | | Institut = 500,000 | | |
| | Sains Sosial (SS) | 150,000 | Fakulti = 200,000 | 150,000 | 150,000 |
| | | | Institut = 250,000 | | |

<u>**Glosari Penyelidikan**</u>

- **Geran dalaman UMT, industri, kebangsaan atau antarabangsa** yang diperolehi sebagai **Penyelidik Utama** boleh digunapakai.
- Bilangan **geran dalaman UMT** dihadkan maksimum **satu (1)** geran dan sebagai **Penyelidik Utama** sahaja.
- Nilai geran (RM) sebagai Penyelidik Bersama (co) dengan penyelidik di UMT atau Universiti luar boleh diambil kira jika ada dinyatakan nilai geran (RM) yang diperolehi.
- **Peratus (%) penglibatan** Ketua Projek dan Penyelidik Bersama dalam Projek Penyelidikan sebagaimana berikut:
  - Bagi projek penyelidikan yang **dinyatakan dengan jelas peratus penglibatan** Penyelidik Bersama di dalam proposal yang diluluskan, peratus tersebut akan diambil kira untuk menentukan jumlah peruntukan geran penyelidikan bagi ahli akademik yang memohon kenaikan pangkat;
  - Bagi *proposal* yang **tidak dinyatakan peratus penglibatan** Penyelidikan Bersama (projek penyelidikan sebelum tahun 2021), cadangan bagi penetapan peratus penglibatan Penyelidik Bersama dalam projek penyelidikan adalah sepertimana berikut:
    - (i) **Maksimum peratus (%)** penglibatan bagi Penyelidik Bersama (kumulatif) adalah **30%**, bagi Projek Penyelidikan yang mempunyai **satu (1) atau dua (2) orang Penyelidik Bersama**;
    - (ii) **Maksimum peratus (%)** penglibatan bagi Penyelidik Bersama (kumulatif) adalah **50%**, bagi Projek Penyelidikan yang mempunyai **tiga (3) orang atau melebihi tiga (3) orang (≥ 3) Penyelidik Bersama**.
- Geran penyelidikan yang **berdaftar dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan** universiti sahaja diterima.

| 3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **KRITERIA** | | **SoTL** (Scholarship of Teaching and Learning) | **SoDI** (Scholarship of Discovery and Innovation) | **SoPP** (Scholarship of Professional Practitioners) | **SoIL** (Scholarship of Institutional Leader) |
| ▪ Pengesahan status Penyelidik Utama di IPT sebelum UMT perlu dapat pengesahan daripada Universiti asal (Pusat Pengurusan Penyelidikan) atau pengesahan Ketua Projek/Penyelidik Utama yang baharu di universiti asal. | | | | | |
| **Penerbitan** | | | | | |
| Minimum penerbitan artikel jurnal terindeks Scopus/WoS (Kumulatif) | Sains Teknologi (ST) | *30 artikel jurnal | Fakulti = 40 artikel jurnal | 30 artikel jurnal | 30 artikel jurnal |
| | | | Institut = 50 artikel jurnal | | |
| | Sains Sosial (SS) | *27 artikel jurnal | Fakulti = 35 artikel jurnal | 27 artikel jurnal | 20 artikel jurnal |
| | | | Institut = 40 artikel jurnal | | |
| Minimum penerbitan artikel jurnal terindeks WoS (Kumulatif) | Sains Teknologi (ST) | 6 artikel jurnal | Fakulti = 15 artikel jurnal | 6 artikel jurnal | 6 artikel jurnal |
| | | | Institut = 25 artikel jurnal | | |
| | Sains Sosial (SS) | 4 artikel jurnal | Fakulti = 8 artikel jurnal | 4 artikel jurnal | 4 artikel jurnal |
| | | | Institut = 15 artikel jurnal | | |
| Minimum penerbitan artikel jurnal terindeks WoS sebagai *first author/ corresponding author* (Kumulatif) | Sains Teknologi (ST) | 6 artikel jurnal | Fakulti = 8 artikel jurnal | 6 artikel jurnal | 6 artikel jurnal |
| | | | Institut = 13 artikel jurnal | | |
| | Sains Sosial (SS) | 4 artikel jurnal | Fakulti = 6 artikel jurnal | 4 artikel jurnal | 4 artikel jurnal |
| | | | Institut = 8 artikel jurnal | | |
| Maksimum had kesetaraan yang dikira: Penerbitan Buku/ Bab dalam Buku hasil | Sains Teknologi (ST) | 9 | Fakulti = 12 | 9 | 9 |
| | | | Institut = 15 | | |
| | | 8 | Fakulti = 11 | 8 | 6 |

| 3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway) | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **KRITERIA** | | **SoTL** (Scholarship of Teaching and Learning) | **SoDI** (Scholarship of Discovery and Innovation) | **SoPP** (Scholarship of Professional Practitioners) | **SoIL** (Scholarship of Institutional Leader) |
| penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf atau Kertas Polisi (Kumulatif) | Sains Sosial (SS) | | Institut = 12 | | |
| H-Indeks (Scopus/WoS) | Sains Teknologi (ST) | 5 | Fakulti = 6 | 5 | 5 |
| | | | Institut = 8 | | |
| | Sains Sosial (SS) | 3 | Fakulti = 4 | 3 | 3 |
| | | | Institut = 5 | | |

**Glosari Penerbitan**

- **Kumulatif** adalah sepanjang tempoh lantikan sebagai pensyarah universiti. Sekiranya calon pernah berkhidmat di institusi penyelidikan atau agensi swasta, pertimbangan akan dibuat mengikut kesesuaian.
- *Bagi **trek SoTL** (teaching & learning), bilangan penerbitan perlu dalam aspek pengajaran dan pembelajaran iaitu **25%** (minimum ST = 8 artikel jurnal dan SS =7 artikel jurnal).
- Bagi **trek SoPP** (Professional Practitioners), **kesetaraan** dengan artikel jurnal seperti **filem, pengalaman industri, tempoh amalan profesional** dan sebagainya.
- **70%** penerbitan perlu dalam bidang kepakaran ahli akademik

- **Kesetaraan** yang diambil kira adalah :-
  (a) **Satu (1) buku** = **Tiga (3) artikel jurnal terindeks** (buku hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit diiktiraf).
  (b) **Satu (1) buku** penyelidikan terbitan **penerbit antarabangsa terindeks** di Scopus/WoS = **Lima (5) artikel jurnal terindeks**.
  (c) **Satu (1) bab dalam buku** = **Satu (1) artikel jurnal terindeks** (buku hasil penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit diiktiraf).
  (d) **Satu (1) bab dalam buku** (hasil penyelidikan) terbitan **penerbit antarabangsa terindeks** di Scopus/WoS = **Tiga (3) artikel jurnal terindeks**.
  (e) **Satu (1) kertas polisi** dalam bidang kepakaran yang digunapakai di peringkat kebangsaan/antarabangsa = **Tiga (3) artikel jurnal terindeks**.
  **Penerbitan di peringkat antarabangsa hendaklah diterbitkan oleh penerbit yang tersohor seperti Springer, Elsevier, Emerald dan sebagainya.*

- **Tiada 'caping'** had kesetaraan bagi buku dan bab dalam buku terbitan penerbit antarabangsa terindeks di Scopus/WoS.
- **70%** penerbitan perlu dalam bidang kepakaran ahli akademik.
- Maksud penerbit yang diiktiraf ialah yang diperakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi atau Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) atau mengikut glosari terkini MyRA.

| 3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway) | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **KRITERIA** | **SoTL** (Scholarship of Teaching and Learning) | **SoDI** (Scholarship of Discovery and Innovation) | **SoPP** (Scholarship of Professional Practitioners) | **SoIL** (Scholarship of Institutional Leader) |
| **Pembangunan Kendiri** | | | | |
| Pembentangan lisan dalam bidang kepakaran di peringkat kebangsaan | 7 | 7 | 7 | 7 |
| Pembentangan lisan dalam bidang kepakaran di peringkat antarabangsa | 3 | 3 | 3 | 3 |
| **<u>Glosari Pembangunan Kendiri</u>**<br>*Glosari sepertimana para 3.4(b) | | | | |
| **Sanjungan dan Kepimpinan Akademik** | | | | |
| *Ucaptama Kebangsaan/ Antarabangsa; ***atau*** | 2 | 2 | 2 | 2 |
| Editor Jurnal Berindeks; ***atau*** | 1 | 1 | 1 | 1 |
| Penilai Jurnal Berindeks/ Manuskrip Buku; ***atau*** | 7 | 7 | 7 | 7 |
| Penilai Kenaikan Pangkat Prof. Madya; ***atau*** | 2 | 2 | 2 | 2 |
| Pemeriksa luar tesis PhD | 3 | 5 | 2 | 2 |

**<u>Glosari Sanjungan dan Kepimpinan Akademik</u>**

- Mendapat pengiktirafan dan pelantikan sanjungan dan kepimpinan akademik secara rasmi dalam bidang kepakaran daripada rakan kesepakaran atau mana-mana agensi/institusi.
- ** Keynote/Plenary/Invited*
- Pilih salah satu (either one)

| **3.3.3 Kenaikan Pangkat Berasaskan Laluan Kerjaya dari Gred DS53/DS54 ke Khas C (VK7) (Differentiated Career Pathway)** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **KRITERIA** | **SoTL** (Scholarship of Teaching and Learning) | **SoDI** (Scholarship of Discovery and Innovation) | **SoPP** (Scholarship of Professional Practitioners) | **SoIL** (Scholarship of Institutional Leader) |
| **Kepimpinan Pengurusan** | | | | |
| Mendapat pengiktirafan dan pelantikan kepimpinan pengurusan secara rasmi di universiti. Calon pernah memegang jawatan pentadbiran di peringkat universiti. | | | | |
| **Khidmat (Universiti/Masyarakat)** | | | | |
| Jawatan Pengerusi (Universiti) (Kebangsaan); ***atau*** | 1 | 1 | 1 | 1 |
